



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu Epid 6/2009 (8 hingga 14 Februari 2009)

Sejumlah 1,134 kes demam denggi dan tiada kematian telah dilaporkan ke Kementerian Kesihatan pada minggu ke 6 tahun 2009. Jumlah ini menurun sebanyak 98 kes (9%) jika dibandingkan dengan jumlah kes pada minggu ke 5 iaitu 1,232 kes. Sebanyak 5 buah negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu WP Labuan (100%), Kedah (39%), Sabah (21%), Johor (9%) dan Sarawak (7%) (Lampiran A). Negeri Selangor dan Kuala Lumpur menyumbang 61% daripada kes dilaporkan bermula dari minggu pertama hingga minggu ke 6. Jumlah keseluruhan kes denggi sehingga 14 Februari 2009 ialah 7,900 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2008 iaitu 4,758 kes. Manakala jumlah terkumpul kematian pada tahun 2009 juga meningkat iaitu 18 kes berbanding pada tempoh yang sama tahun 2008 iaitu 7 kes kematian.

Sehingga 14 Februari 2009, terdapat 37 'hot spot' yang masih belum dapat dikawal dalam masa 2 minggu seperti yang diarahkan oleh Menteri Kesihatan berbanding sebanyak 39 'hot spot' pada minggu lepas. Terdapat 4 'hot spot' baru dan 6 lokaliti telah bebas wabak Denggi. Taburan 'hot spot' mengikut negeri ialah Selangor (31 'hot spot'), Kuala Lumpur (5 'hot spot') dan Sarawak (1 'hot spot') (Lampiran C). Penurunan ini disebabkan Kementerian Kesihatan telah menjalankan pelbagai aktiviti kawalan dan pencegahan denggi di samping penglibatan masyarakat dalam memastikan persekitaran mereka bebas Aedes.

Aktiviti promosi kesihatan juga telah dipertingkatkan pada tahun ini. Sehingga 14 Februari 2009, sejumlah 227 gotong-royong telah dilaksanakan di seluruh negara dengan penglibatan komuniti seramai 9,551 orang berbanding dengan 99 gotong-royong dengan kehadiran seramai 6,309 orang dalam tempoh yang sama pada tahun 2008. Negeri yang banyak melakukan gotong-royong pada tahun ini ialah Negeri Selangor (59 gotong-royong), Johor (26 gotong-royong) dan Perak (24 gotong-royong). Pada keseluruhannya, terdapat peningkatan aktiviti promosi kesihatan pada tahun ini, di mana 42,033 hebahan awam telah dilaksanakan berbanding hanya 14,083 dalam tempoh yang sama pada tahun 2008. Pada minggu ini sahaja 48 (44%) aktiviti gotong-royong telah dijalankan berbanding 109 sasaran yang ditetapkan.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga telah melaksanakan Kempen Media Denggi dan Chikungunya mulai 27 Disember 2008 hingga 24 Januari 2009 dengan kos sebanyak RM3.6 juta. Kempen ini bertujuan memberi kesedaran dan maklumat pencegahan tentang Denggi dan Chikungunya kepada masyarakat melalui media massa termasuk televisyen, radio dan suratkhbar. Kempen ini akan diteruskan lagi pada 21 Februari hingga 22 Mac 2009. Oleh itu, diharapkan masyarakat akan dapat mempraktikkan segala maklumat pencegahan denggi yang diterima dalam kehidupan seharian mereka.

Bagi penyakit Chikungunya, sejumlah 86 kes telah dilaporkan di seluruh negara pada minggu Epid ke 6 iaitu penurunan sebanyak 23 kes (21%) jika dibandingkan dengan minggu sebelumnya (109 kes). Daripada jumlah tersebut, seramai 55 (63.9%) pesakit Chikungunya telah mendapatkan rawatan pesakit luar dan selebihnya memerlukan rawatan di hospital. Tiada kes yang melibatkan kematian dilaporkan setakat ini.

Lapan puluh enam (86) kes yang dilaporkan adalah dari 81 lokaliti di 10 buah negeri iaitu Kelantan (27 kes), Selangor (20 kes), Perak (17 kes), Johor (7 kes), Pulau Pinang (4 kes), Perlis dan Pahang (masing-

masing 3 kes), Terengganu dan WP Kuala Lumpur & Putrajaya (masing-masing 2 kes) dan Negeri Sembilan (1 kes). Sebanyak 5,368 premis dirancang untuk dibuat semburan kabus, walau bagaimanapun hanya 3,861 premis (71.9%) dapat dilaksanakan dengan efektif dan efisien. Selain itu, hanya 3 aktiviti gotong-royong telah dilaksanakan berbanding 5 aktiviti gotong-royong yang dirancang bagi minggu tersebut. Berdasarkan situasi ini, kerjasama masyarakat dalam bersama-sama mengawal jangkitan Chikungunya bolehlah dianggap belum mencapai tahap yang optimum.

Melihat kepada situasi Denggi dan Chikungunya yang tidak menentu, pihak Kementerian Kesihatan menyeru pihak berkenaan terutamanya Jabatan Kesihatan Negeri memperkukuhkan aktiviti pencegahan dan kawalan agar 'hot spot' yang melebihi 2 minggu dapat dijadikan kawasan bebas denggi. Usaha yang sedia ada perlu dipertingkatkan supaya kes denggi dapat dikurangkan berbanding dengan minggu sebelumnya iaitu selaras dengan sasaran Kementerian Kesihatan untuk menurunkan jumlah kes 10% setiap tahun. Pengarah Kesihatan Negeri dan Pegawai Kesihatan Daerah perlu memastikan agar tindakan pencegahan, kawalan dan pemantauan Denggi dilakukan secara berterusan. Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga menyeru agar masyarakat mempertingkatkan penglibatan mereka dalam aktiviti pencegahan Denggi dan kawalan Denggi bagi mengekang penularan penyakit ini.

**(TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD ISMAIL MERICAN)**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

18 Februari 2009

**LAMPIRAN A****Kes Denggi Dilaporkan Pada Minggu Epid 6, 2009 Berbanding  
Jumlah Kes Minggu Epid 5, 2009.**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Kes</b>		<b>Jumlah Kes Sehingga minggu 6 , 2009</b>	<b>Jumlah Kes bagi tempoh minggu yang sama 2008</b>
		<b>Minggu 6/2009</b>	<b>Minggu 5/2009</b>		
<b>1</b>	Selangor	571	662(2)	4120(8)	1720(4)
<b>2</b>	Perak	105	117	677(1)	542
<b>3</b>	WPKL-Pjaya	89	96	723(4)	567
<b>4</b>	Johor	69	63	402(2)	333(2)
<b>5</b>	P.Pinang	55	61	445	226
<b>6</b>	Sarawak	45	42	278	164
<b>7</b>	Kelantan	42	42	228	215(1)
<b>8</b>	Kedah	41	25	231	144
<b>9</b>	Sabah	34	27	158(1)	145
<b>10</b>	Pahang	22	28	189	238
<b>11</b>	Melaka	20	22	107	67
<b>12</b>	Terengganu	18	20	161	257(1)
<b>13</b>	N.Sembilan	17	21(1)	156(2)	123
<b>14</b>	Perlis	5	6	24	15
<b>15</b>	Labuan	1	0	1	2
	<b>Jumlah</b>	<b>1134(0)</b>	<b>1232(3)</b>	<b>7900(18)</b>	<b>4758(8)</b>

**Nota:**

( ) Mati

**Kes Chikungunya Terkumpul Yang Dilaporkan  
Sehingga Minggu Epid Ke - 6, 2009**

Bil	Negeri	Jumlah Kes		Jumlah Kes Sehingga minggu 6 , 2009	Jumlah Kes bagi tahun 2008
		Minggu 5/2009	Minggu 6/2009		
<b>1</b>	Selangor	26	20	171	353
<b>2</b>	Kelantan	26	27	182	135
<b>3</b>	Perak	21	17	165	590
<b>4</b>	Johor	11	7	75	1846
<b>5</b>	Kedah	2	0	29	181
<b>6</b>	Pahang	6	3	43	341
<b>7</b>	Pulau Pinang	3	4	40	6
<b>8</b>	WPKL-Putrajaya	5	2	36	27
<b>9</b>	Negeri Sembilan	4	1	16	176
<b>10</b>	Perlis	1	3	6	3
<b>11</b>	Melaka	0	0	0	606
<b>12</b>	Terengganu	4	2	26	4
<b>13</b>	Sarawak	0	0	0	3
<b>14</b>	Sabah	0	0	0	0
<b>15</b>	Labuan	0	0	0	0
	<b>Jumlah</b>	<b>109</b>	<b>86</b>	<b>789</b>	<b>4271</b>

**SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” YANG MELAPURKAN PENULARAN KES DENGGI SEHINGGA MINGGU KE 6/2009.**

Bil	Negeri	Daerah/ Zon/PBT	Lokaliti	Jumlah kes	Tempoh wabak berlaku(hari)
1	SELANGOR	PT	Seksyen 7 Flat C	72	142
2	SELANGOR	PT	Seksyen 7 Flat A	64	125
3	SELANGOR	MPKj	Taman Sepakat Indah Zon 1	55	105
4	SELANGOR	MBSA	Seksyen 24 Teres D	33	96
5	SELANGOR	PT	Seksyen 18 Teres A	41	92
6	SELANGOR	MPKj	Seksyen 2 Bandar Sri Putra	22	89
7	SELANGOR	PT	Seksyen 7 Teres A	48	89
8	SELANGOR	MPKj	Seksyen 8 Bandar Baru Bangi Zon 1	50	85
9	SELANGOR	MPSJ	Taman Puchong Perdana	32	73
10	SELANGOR	MBSA	Seksyen 18 Flat 18/43	24	73
11	SELANGOR	MBSA	Padang Jawa C	48	72
12	SELANGOR	MBSA	Seksyen 25 Teres A	42	68
13	SELANGOR	MBSA	Seksyen 20 Flat PKNS	24	65
14	WPKL	SETAPAK	TAMAN SETIAWANGSA KWS (F)	17	65
15	WPKL	PUSAT BANDAR	FLAT SENTUL UTAMA	20	62
16	SELANGOR	GB	Bandar Baru Selayang F2	52	60
17	SELANGOR	PT	Seksyen 18 Teres B	19	56
18	WPKL	PUSAT BANDAR	BDR BARU SENTUL(MENARA ORKID)	19	56
19	SELANGOR	MBSA	Teres Seksyen 6	15	55
20	SELANGOR	MBSA	Seksyen 27 Teres C	28	54
21	SELANGOR	MBSA	Teres A Seksyen 8	15	51
22	SELANGOR	MBSA	Seksyen 10	10	50
23	SELANGOR	MBSA	Seksyen 25 Teres B	14	49
24	SELANGOR	MBSA	Seksyen 33 Taman Alam Indah	22	45
25	SELANGOR	MPSJ	Bandar Puchong Jaya	33	43
26	SELANGOR	MPSJ	Taman Puchong Indah	16	41
27	SELANGOR	SP	Taman Seroja Zon A	10	41
28	SELANGOR	MBSA	Seksyen 8 Flat 8A	19	39
29	SELANGOR	MPKj	Taman Kajang Prima	12	39
30	WPKL	CHERAS	TAMAN IKAN EMAS	11	39
31	WPKL	SETAPAK	TMN SETAPAK JAYA (KAW G)	10	38

32	SARAWAK	KUCHING	KPG, SG BEDIL BESAR	8	37
33	SELANGOR	MPKj	Taman Jasmin	11	35
34	SELANGOR	MPK	Persiaran Bukit Raja	11	34
35	SELANGOR	MBSA	Seksyen 25 Apt Valencia	9	33
36	SELANGOR	MPSJ	Pusat Bandar Puchong	22	31
37	SELANGOR	SB	Taman Cahaya Sg Besar	11	30

**SENARAI LOKALITI 'HOT SPOTS' YANG TAMAT PADA MINGGU EPID 6/2009.**

Bil	Negeri	Daerah/ Zon/PBT	Lokaliti	Jumlah kes	Tamat pada
1	SELANGOR	GB	Taman Sri Gombak Z3	46	12/2/09
2	SELANGOR	MBSA	Padang Jawa B	25	13/2/09
3	SELANGOR	GB	Kg Laksamana	34	13/2/09
4	SELANGOR	PT	Seksyen U10 Puncak Perdana	14	13/2/09
5	SELANGOR	GB	Tmn Pinggiran Batu Caves	10	12/2/09
6	SELANGOR	MPKj	Seksyen 16 Bandar Baru Bangi Zon 5	20	12/2/09

**SENARAI LOKALITI 'HOT SPOTS' YANG BARU BAGI MINGGU EPID 6/2009.**

Bil	Negeri	Daerah/ Zon/PBT	Lokaliti	Jumlah kes	Tempoh wabak berlaku(hari)
1	SELANGOR	MPKj	Taman Jasmin	11	35
2	SELANGOR	MPK	Persiaran Bukit Raja	11	34
3	SELANGOR	MBSA	Seksyen 25 Appt Valencia	9	33
4	SELANGOR	MPSJ	Pusat Bandar Puchong	19	31